



JABATAN PERDANA MENTERI
PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA

Edisi 2/2025

Buletin

ILKEM

KEPELBAGAIAN ITU KEKUATAN



APRIL - JUN 2025



SIDANG REDAKSI



YBhg. Datuk Mas Rizal bin Mohd Hilmi
Penaung



YBrs. Tuan Haji Mohd Najib bin Surip
Penasihat



YBrs. Encik Roselan bin Mohamed
Ketua Pengarang



**Puan Nur Azhani
binti Yunos**
Ahli
Jawatankuasa



**Encik Ahmad Shaharuddin
bin Muhammad**
Ahli
Jawatankuasa



**Encik Mohd Saiful
Hisham bin Md Salleh**
Ahli
Jawatankuasa



**Encik Mazlan bin
Md Noor**
Ahli
Jawatankuasa



**Tuan Haji Foudzli bin
Abdullah**
Ahli
Jawatankuasa



**Encik Mohd Radzi bin
Jamalludin**
Ahli
Jawatankuasa



**Puan Hajah Salmah
binti Shahidan**
Ahli
Jawatankuasa



**Tuan Haji Azali bin
Bachok**
Ahli
Jawatankuasa



**Encik Mohd Faizul
bin Mohd Nor**
Ahli
Jawatankuasa



**Encik Ag. Mohd Ismail
bin A. M. Nordin**
Ahli
Jawatankuasa



**Puan Nurul Haswani
binti Saiman**
Ahli
Jawatankuasa



**Encik Mohd Azhar bin
Yusoff**
Pegawai
Penyelaras



**Encik Muhamad Amirul
Hafiz bin Abdul Halim**
Pegawai
Penyelaras



**Encik Mohd Raziz bin
Minhat**
Pereka
Grafik

ISI KANDUNGAN



04 PERUTUSAN KETUA PENGARAH
KESELAMATAN KERAJAAN

05 PERUTUSAN PENGARAH INSTITUT
LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN
MALAYSIA (ILKEM)

06 MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI
PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN
KERAJAAN MALAYSIA TAHUN 2025

08 MAJLIS RUMAH TERBUKA HARI RAYA
ILKEM 2025

EKSKLUSIF !

10 MAJLIS IBADAH KORBAN
PEJABAT KETUA PEGAWAI
KESELAMATAN KERAJAAN
MALAYSIA



12 MAJLIS APRESIASI JPM 2025
MANIFESTASI PENGIKTIRAFAN DAN
KOMITMEN ISLAH DALAM
PERKHIDMATAN AWAM

15 E-VETTING 3.0: LANGKAH PROAKTIF
TAPISAN KESELAMATAN NEGARA

18 SOFT TARGET: WASPADA TERHADAP
ANCAMAN SERANGAN PENGANAS DI
TEMPAT AWAM

21 ANCAMAN SERANGAN SIBER BERASASKAN
KECERDASAN BUATAN (AI) DI MALAYSIA

23 KEPENTINGAN MENJAGA IMEJ KORPORAT
JABATAN

25 RINGKASAN KURSUS

28 PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PEMBANTU
KESELAMATAN GRED KP1 JABATAN PERDANA
MENTERI

29 KURSUS PROTOKOL

30 KURSUS KAWALAN DOKUMEN RAHSIA RASMI

31 BENGKEL PEMAHAMAN PENGURUSAN RAHSIA
RASMI

32 KURSUS SENI MEMPERTAHANKAN DIRI (TEKNIK
TANGKAPAN)

34 KURSUS PEGAWAI PENGELAS

36 DALAM KENANGAN

37 GENGAMAN PERPADUAN



KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN

Selasa, 15 Julai, 2025

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera



Alhamdulillah, segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia dan rahmat-Nya, kita sekali lagi dipertemukan dalam penerbitan Buletin ILKEM Edisi Kedua bagi Tahun 2025.

Buletin ini merupakan medium penting dalam menyampaikan maklumat, memperkukuh kefahaman serta menyemarakkan budaya ilmu dalam kalangan warga CGSO. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih saya rakamkan kepada pasukan penerbitan atas iltizam, usaha dan komitmen padu dalam me-

realisasikan penerbitan ini. Tidak dilupakan juga kepada para penulis yang telah menyumbangkan artikel yang bermutu tinggi, berkaitan bidang kepakaran dan pengalaman masing-masing.

Sesungguhnya, penerbitan Buletin ILKEM bukan sekadar menyalurkan maklumat semasa berkaitan aktiviti jabatan, bahkan berperanan sebagai saluran pengukuhan nilai perpaduan dan kolaborasi antara warga ILKEM dan CGSO. Perpaduan yang terbina melalui perkongsian ilmu, semangat saling menyokong serta kesefahaman dalam melaksanakan amanah amat penting dalam melonjakkan kecemerlangan organisasi secara menyeluruh.

Dalam era yang penuh dengan cabaran dan ketidaktentuan ini, CGSO terus proaktif meneroka ruang penambahbaikan menerusi pelbagai inisiatif yang telah digariskan dalam Pelan Strategik CGSO 2023-2025 dan Pelan Transformasi CGSO 2030. Kedua-dua pelan ini bukan sahaja mencerminkan kesungguhan kita untuk bergerak seiring dengan kehendak semasa, malah menjadi panduan utama dalam memacu transformasi dan pemerkasaan peranan CGSO sebagai agensi keselamatan yang disegani.

Saya amat berbangga dengan kejayaan-kejayaan yang telah kita capai bersama. Namun, yang lebih utama adalah, semangat kebersamaan yang sentiasa menjadi asas kepada setiap pencapaian. Semoga kejayaan ini terus diperkukuh melalui budaya kerja berpasukan dan nilai integriti yang tinggi dalam kalangan kita semua.

Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan ini. Semoga Buletin ILKEM terus berkembang sebagai wadah ilmu dan inspirasi, serta menjadi lambang kesepaduan dan kecemerlangan warga ILKEM dan CGSO.

Sekian, terima kasih.

YBhg. Datuk Mas Rizal bin Mohd Hilmi
Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (CGSO)

PERUTUSAN

PENGARAH INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA

Selasa, 17 Jun, 2025



*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
dan Salam Sejahtera*

Dengan penuh kesyukuran, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga ILKEM yang terus komited dalam merealisasikan misi dan visi institut ini sepanjang suku kedua tahun 2025.

Sepanjang bulan April hingga Jun ini, kita telah menyaksikan pelbagai inisiatif dan program yang berjaya dilaksanakan, termasuk penganjuran kursus-kursus keselamatan perlindungan, pembaharuan modul latihan serta penyertaan aktif dalam pelbagai program kerjasama strategik bersama agensi kerajaan dan swasta. Usaha ini membuktikan bahawa ILKEM kekal relevan sebagai pusat rujukan dan latihan utama dalam bidang keselamatan perlindungan.

Dalam era dunia yang semakin mencabar ini, konsep perpaduan, inovasi dan integriti menjadi tonggak kekuatan kita. Adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk terus memperkukuh budaya kerja cemerlang, memperkasa pembangunan modal insan dan memperhebat inisiatif strategik demi kelangsungan kejayaan ILKEM.

Saya percaya, dengan semangat kesepaduan dan komitmen yang tidak berbelah bahagi, kita mampu melonjakkan ILKEM ke tahap yang lebih gemilang. Setiap sumbangan, sama ada kecil atau besar, adalah sangat bermakna dalam membentuk landskap keselamatan perlindungan yang lebih kukuh.

Akhir kata, saya menyeru semua warga ILKEM untuk terus mempertingkatkan profesionalisme, memperkasa ilmu, dan memperkukuh jati diri sebagai penjawat awam yang berintegriti dan berwibawa. Semoga segala usaha kita diberkati dan memberi impak positif kepada organisasi dan negara.

*"Bersama Menyayakan Aspirasi,
Mengukuhkan Masa Depan"*

YBrs. Tuan Roselan bin Mohamed
Pengarah
Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia
(ILKEM)

Majlis Sambutan HARI RAYA AIDILFITRI

PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA TAHUN 2025

Pada 17 April 2025, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), Jabatan Perdana Menteri telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri bertemakan “Tradisional Kontemporari” bertempat di perkarangan Lobi Setia Perdana 7, Kompleks Setia Perdana, Putrajaya. Majlis ini berlangsung dalam suasana meriah dengan kehadiran lebih 1,000 orang tetamu yang terdiri daripada pegawai CGSO dan jemputan khas.



PERWIRA BUSKER CAWANGAN KESELAMATAN HKL

Kemeriahan majlis diserikan dengan persembahan muzik istimewa oleh Perwira Buskers dari Cawangan Keselamatan, Hospital Kuala Lumpur, yang berjaya mewujudkan suasana ceria dan mesra sepanjang acara berlangsung. Beberapa pertandingan telah dianjurkan seperti Pertandingan Pakaian Tercantik dan Pertandingan Reruai Tercantik. Selain itu, majlis turut menyaksikan penyampaian sumbangan kepada pegawai CGSO yang ditimpa musibah, sebagai tanda keprihatinan dan solidariti warga CGSO.



*Kompleks Setia
Perdana, Putrajaya*

EKSKLUSIF

*Khamis,
10 April 2025*

Majlis ini turut dimeriahkan lagi dengan kehadiran tetamu kehormat iaitu YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara; YBhg. Datuk Abd Shukor bin Mahmood, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, JPM; YBhg. Datuk Seri Sollehuddin Alyubi bin Zakaria, Ketua Pengarah ICU; dan YBhg. Datuk Wira Zailani Hj. Hashim, Datuk Pengelola Bijaya Diraja. Turut hadir ialah Setiausaha-Setiausaha Bahagian Pentadbiran Am JPM, Pengarah Bahagian, Pengarah Negeri serta kader CGSO sekitar Putrajaya dan Selangor.



Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri CGSO 2025 ini bukan sahaja menjadi platform untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan warga CGSO, malah turut mencerminkan semangat perpaduan, keprihatinan dan budaya kerja yang harmoni, bertepatan dengan semangat Aidilfitri yang diraikan.



Majlis Rumah Terbuka HARI RAYA AIDILFITRI

INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM) TAHUN 2025

Pada 18 April 2025, Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) telah menganjurkan Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri bertempat di hadapan Blok Akademik ILKEM. Majlis ini diadakan bertujuan untuk memupuk semangat silaturahim dalam kalangan warga ILKEM. Kehadiran para tetamu yang mengenakan pakaian tradisional menambah seri suasana, memperlihatkan keindahan budaya dan warisan bangsa Malaysia.



**YBRS. TUAN HAJI MOHD NAJIB BIN SURIP,
TIMBALAN KETUA PENGARAH SEKTOR
OPERASI**

Majlis dimulakan dengan ketibaan YBrs. Tuan Haji Mohd Najib bin Surip, Timbalan Ketua Pengarah Sektor Operasi, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) bersama barisan pengurusan tertinggi ILKEM, disusuli dengan bacaan doa bagi memohon keberkatan dan kelancaran perjalanan majlis. Ucapan aluan YBrs. Timbalan Ketua Pengarah Sektor Operasi yang menyusul selepas itu menekankan kepentingan nilai kekeluargaan, kerjasama dan perpaduan dalam memperkukuhkan kekuatan sesebuah organisasi, selaras dengan semangat Hari Raya yang mengutamakan penyatuan dan kasih sayang.

Tetamu disajikan dengan pelbagai hidangan tradisional seperti ketupat, rendang, leman, sate dan kuih-muih. Aktiviti untuk kanak-kanak turut diadakan bagi menyemarakkan lagi suasana ceria dalam kalangan keluarga yang hadir. Majlis diteruskan dengan persembahan nyanyian dan sesi karaoke yang menampilkan bakat dan semangat keceriaan warga ILKEM. Seterusnya, sesi fotografi raya diadakan bagi merakamkan detik-detik bermakna sebagai kenangan bersama.



Majlis bersurai dalam suasana penuh keakraban dan kepuasan, menggambarkan kejayaan penganjuran majlis tersebut dalam mempererat hubungan kekeluargaan dan silaturahim antara warga kerja ILKEM. Majlis Rumah Terbuka Hari Raya ILKEM 2025 ini bukan sekadar sambutan jamuan dan hiburan, malah menjadi wadah menyemarakkan nilai perpaduan dan ukhuwah dalam kalangan warga organisasi.



Majlis Ibadah Korban HARI RAYA AIDILADHA

INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM) TAHUN 2025

Pada 9 Jun 2025, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), Jabatan Perdana Menteri telah menganjurkan Majlis Ibadah Korban sempena Hari Raya Aidiladha 1446H/2025M bertempat di Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM), Nilai, Negeri Sembilan. Majlis ini berlangsung dalam suasana penuh kesyukuran dan tertib, disertai oleh Pengurusan Tertinggi, Pengarah-Pengarah Bahagian serta seluruh warga kerja CGSO.



DUA EKOR LEMBU TELAH DIKORBANKAN

Majlis turut diserikan dengan kehadiran YBhg. Datuk Mas Rizal bin Mohd Hilmi, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan yang telah menyempurnakan pengagihan daging korban kepada 14 peserta dan petugas yang hadir. Sebanyak dua (2) ekor lembu korban telah dikorbankan sempena majlis ini, dengan sumbangan oleh Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM).



Pengurusan dan pelaksanaan ibadah korban ini merupakan hasil kerjasama erat antara Kelab Sukan dan Kebajikan CGSO (KESKEB), Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM), Koperasi CGSO Berhad (KOOP) serta PUSPANITA Cawangan Kecil CGSO. Kolaborasi strategik ini bukan sahaja memperkemas pelaksanaan majlis, malah mencerminkan nilai ukhuwah, semangat kebersamaan serta budaya gotong-royong dalam kalangan warga CGSO.



Daging korban telah diagihkan kepada para petugas serta warga CGSO yang layak menerima sebagai lambang keprihatinan, kasih sayang dan tanggungjawab sosial. Ibadah korban ini tidak hanya memenuhi tuntutan syariat, malah menjadi wahana terbaik untuk menyemai nilai-nilai murni seperti keikhlasan, rendah hati dan pengorbanan demi kepentingan bersama.



Penganjuran majlis ini turut berperanan memperkukuhkan hubungan silaturrahim, mengeratkan jalinan kerjasama antara agensi serta menyemarakkan budaya kerja yang berteraskan nilai-nilai Islam dalam urus tadbir organisasi. Semoga usaha murni ini terus menyuburkan rasa tanggungjawab sosial dan semangat kekitaan dalam kalangan penjawat awam, khususnya seluruh warga CGSO.



Majlis Apresiasi JABATAN PERDANA MENTERI 2025

MANIFESTASI PENGIKTIRAFAN DAN KOMITMEN ISLAH DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Pada 13 Mei 2025, Majlis Apresiasi Tahun 2025 anjuran Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah berlangsung dalam suasana penuh penghargaan di Putrajaya dengan kehadiran YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara (KSN). Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran YBhg. Datuk Mas Rizal bin Mohd Hilmi, Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan. Majlis ini menjadi platform penting untuk meraikan kecemerlangan penjawat awam serta menzahirkan penghormatan terhadap jasa dan pengorbanan para pesara.

Majlis dimulakan dengan amanat oleh YBhg. Tan Sri KSN yang merakamkan ucapan tahniah kepada 219 penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2024 daripada 34 agensi di bawah JPM. Beliau turut menyampaikan penghargaan kepada 19 orang pesara atas sumbangan dan khidmat bakti yang telah mereka curahkan sepanjang tempoh perkhidmatan.

Dalam ucapannya, beliau menekankan kepentingan menghayati konsep Islah, iaitu penambahbaikan berterusan dalam penyampaian perkhidmatan awam, sejajar dengan aspirasi dan nilai teras Malaysia MADANI.



YBHG. TAN SRI SHAMSUL AZRI BIN ABU BAKAR,
KETUA SETIAUSAHA NEGARA (KSN)

Beliau turut menyentuh beberapa pencapaian utama sektor awam sepanjang tahun 2024, termasuk pelaksanaan Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) Fasa 1 yang melibatkan penyelarasan gaji antara 7 hingga 15 peratus dengan peruntukan melebihi RM10 bilion. Antara inisiatif lain yang turut diketengahkan ialah pelaksanaan Penilaian DEEP, pemerkasaan bidang kecerdasan buatan (AI) melalui program Accelerated Industrial Attachment for Competency Excellence (AICE), serta pelancaran Pekeliling Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB).



Seramai 30 orang warga Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2024 sebagai pengiktirafan atas komitmen tinggi, integriti dan kecemerlangan dalam menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada organisasi dan negara. Turut diraikan ialah empat (4) orang warga CGSO yang bakal menamatkan perkhidmatan, iaitu YBrs. Puan Julaila binti Engan, Timbalan Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (Dasar); Encik Ruszani bin Abd Karim, Pengarah Bahagian Inspektorat Pematuhan dan Pengiktirafan (BIPP); serta Encik Ali bin Hassan dan Encik Alang Nan bin Ngah Guding, Pembantu Keselamatan CGSO Negeri Perak.



Segala jasa, sumbangan dan dedikasi yang telah dicurahkan oleh warga CGSO, khususnya para pesara yang diraikan, amatlah dihargai dan disanjung tinggi. Usaha gigih serta komitmen berterusan mereka sepanjang tempoh perkhidmatan bukan sahaja menyumbang kepada kelangsungan operasi harian jabatan, malah turut menjadi pemangkin kepada kemajuan dan pencapaian keseluruhan organisasi ini dari semasa ke semasa.

Setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan turut dirakamkan kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) atas pencapaian yang membanggakan ini. Semoga pengiktirafan yang diterima menjadi pemangkin semangat untuk terus mengekalkan prestasi cemerlang serta menjadi contoh teladan kepada rakan sekerja yang lain. Sesungguhnya kejayaan dan pencapaian ini wajar dijadikan sumber inspirasi kepada seluruh warga CGSO untuk terus melangkah ke hadapan dengan lebih berdaya saing, berintegriti dan cemerlang dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan demi kepentingan jabatan, perkhidmatan awam dan negara secara keseluruhannya.



TAHNIAH



Kompleks Setia Perdana, Putrajaya	FOKUS	Selasa, 13 Mei 2025
--------------------------------------	-------	------------------------

E-VETTING 3.0

LANGKAH PROAKTIF TAPISAN KESELAMATAN NEGARA

Dalam era digital dan keterbukaan maklumat yang pesat berkembang, keperluan terhadap sistem keselamatan yang lebih telus dan efisien amatlah penting. Menyedari hakikat ini, **Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO)** telah membangunkan satu sistem tapisan keselamatan atas talian yang dikenali sebagai **e-Vetting**, sebuah inisiatif strategik bagi memperkukuh keupayaan kerajaan dalam melindungi keselamatan negara.

Apa Itu e-Vetting?

e-Vetting atau *Electronic Vetting* ialah sistem digital yang membolehkan proses **semakan latar belakang individu** dilakukan secara menyeluruh dan sistematik. Ia menjadi langkah asas sebelum kepada seseorang individu yang dilantik ke perkhidmatan awam dan komuniti keselamatan termasuklah mereka yang berurusan dengan mana-mana pihak yang mempunyai kepentingan kepada Kerajaan. Melalui sistem ini, integriti, rekod kewangan, hubungan sosial dan latar belakang keselamatan pemohon akan dinilai bagi menentukan tahap kesesuaian mereka.



Siapa Yang Terlibat?

Sistem e-Vetting diwajibkan kepada:

- Komuniti keselamatan
- Pegawai kontrak atau kader yang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan,
- Pelajar tajaan kerajaan ke luar negara,
- Pembekal atau kontraktor yang berurusan dengan agensi Kerajaan,
- Mana-mana individu yang memerlukan akses kepada maklumat terperingkat atau lokasi berkepentingan strategik




Peningkatan Melalui e-Vetting 3.0

Bermula 30 April **2025**, CGSO telah memperkenalkan **e-Vetting 3.0**, versi terbaharu yang lebih canggih dan mesra pengguna. Antara penambahbaikan ketara adalah:

- **Digitalisasi sepenuhnya** borang dan dokumen permohonan.
- **Integrasi sistem dengan lebih 10 agensi kerajaan** seperti Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Imigresen.
- Paparan **Antaramuka sistem yang lebih mesra pengguna** serta memudahkan pemantauan status semakan.

Cara Mengakses Sistem e-Vetting



Pemohon boleh mengakses sistem ini melalui laman rasmi: <https://evetting3.cgso.gov.my>

Sistem e-Vetting diwajibkan kepada:

1. Penjawat Awam (Kakitangan Kerajaan / Pelajar Tajaan dibiaya oleh Kerajaan / Badan Berkanun),
2. Swasta (Komuniti keselamatan yang memberi perkhidmatan keselamatan perlindungan).



Pengguna hanya perlu mendaftar, mengisi borang atas talian, memuat naik dokumen sokongan dan menunggu status penilaian.

e-Vetting bukan sekadar sistem permohonan tapisan keselamatan, ia adalah satu mekanisme perlindungan strategik negara. Dalam dunia yang semakin kompleks dan terdedah kepada pelbagai ancaman keselamatan, ketelusan dan kecekapan sistem seperti e-Vetting amatlah kritikal. Bukan itu sahaja, Sistem e-Vetting dibangunkan bagi menyokong dan memenuhi aspirasi negara kearah pendigitalan yang mapan.



**SOFT TARGET : WASPADA
TERHADAP ANCAMAN SERANGAN
PENGGANAS DI TEMPAT AWAM**

Serangan oleh kumpulan atau individu pengganas di lokasi awam seperti pusat membeli-belah, rumah ibadat, stesen kereta api, hotel yang menjadi tumpuan pelancong asing, perhimpunan awam dan konsert dilihat semakin membimbangkan pada masa kini. Serangan-serangan ini bukan sahaja mengorbankan nyawa, malah turut menjejaskan ketenteraman dan keselamatan awam.

Antara insiden yang masih segar dalam ingatan ialah serangan gas sarin di laluan tren bawah tanah Tokyo, Jepun pada tahun 1995 oleh kumpulan ajaran sesat Aum Shinrikyo. Serangan tersebut telah mengorbankan tujuh (7) nyawa dan menyebabkan lebih lima ratus (500) mangsa dimasukkan ke hospital akibat terhidu gas berbahaya. Pada tahun 2005 pula, rangkaian keretapi di Madrid, Sepanyol menjadi sasaran serangan pengganas yang mengorbankan seramai seratus sembilan puluh tiga (193) penumpang, manakala dua ribu lima ratus (2,500) orang lagi mengalami kecederaan.



**ENCIK MOHD
RADZI BIN
JAMALLUDDIN**

PENGARAH

**BAHAGIAN SASARAN PENTING,
KAWASAN LARANGAN &
TEMPAT LARANGAN**



Serangan gas sarin di laluan tren bawah tanah di Tokyo, Jepun




Serangan bom kereta api di Stesen Atocha, Madrid, Sepanyol.

Rumah ibadat turut menjadi sasaran keganasan. Serangan kejam oleh seorang lelaki berkulit putih terhadap Masjid Al-Noor di Christ Church, New Zealand pada 19 Mac 2019 telah mengejutkan dunia. Negara yang sebelum ini dianggap antara paling aman itu menyaksikan seramai lima puluh satu (51) jemaah yang sedang menunaikan solat Jumaat terkorban dalam tragedi berdarah tersebut. Malaysia juga tidak terkecuali daripada menerima ancaman sedemikian. Pada tahun 2016, sekumpulan individu berfahaman ekstremis telah melancarkan serangan ke atas sebuah pusat hiburan di Puchong. Serangan menggunakan bom Molotov Cocktail itu telah mencederakan lapan (8) orang pengunjung, termasuk pelancong asing. Kejadian-kejadian ini jelas menunjukkan bahawa ancaman pengganas boleh berlaku di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa. Oleh itu, langkah-langkah keselamatan yang proaktif serta kerjasama semua pihak amat penting bagi memastikan keselamatan rakyat dan negara terus terpelihara.



Serangan pembunuhan kejam di Masjid Al-Noor, Christchurch, New Zealand



Serangan bom Molotov Cocktail di pusat hiburan Movida, Puchong, Selangor

KUALA LUMPUR, 4 Julai — Perdana menteri bimbang dengan serangan bom tangan 28 Jun di bar Movida dan menggesa polis menyiasat insiden yang dikaitkan dengan suspek Negara Islam (IS) tempatan, kata Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar hari ini.

Khalid turut menggesa orang ramai supaya terus bekerjasama dengan polis bagi menghalang kegiatan kumpulan pengganas itu di Malaysia.

sumber: malaymail.com

Secara khususnya, tiada satu definisi rasmi yang menetapkan maksud *soft target*. Namun demikian, secara umum, istilah ini merujuk kepada mana-mana infrastruktur, lokasi, fasiliti atau premis awam yang mudah diakses oleh orang ramai, sentiasa menjadi tumpuan umum, serta mempunyai tahap kawalan keselamatan yang lebih longgar berbanding fasiliti kritikal atau sensitif yang lain. Ciri-ciri ini menjadikan lokasi atau premis sedemikian sebagai sasaran yang amat menarik bagi pihak pengganas untuk melancarkan serangan. Serangan ke atas *soft target* sering dirancang untuk menyebabkan angka kematian dan kecederaan yang tinggi dalam kalangan orang awam. Selain itu, ia juga merupakan strategi untuk menunjukkan keupayaan individu atau kumpulan pengganas dalam melaksanakan serangan secara terbuka dan berani, serta sebagai bentuk isyarat kepada pihak berkuasa mengenai kelemahan sistem keselamatan dalam melindungi keselamatan masyarakat.



Jawatankuasa Kecil Perlindungan Infrastruktur Utama Negara dan Soft Target (JKPIUNST)

Bagi memperkukuh kesiapsiagaan negara dalam menangani ancaman keganasan, Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah meminda Arahan MKN No. 18 berkaitan Pengurusan dan Pengendalian Krisis Keganasan pada tahun 2023. Di samping itu, MKN juga telah membangunkan Garis Panduan bagi Meningkatkan Keselamatan Tempat dan Kemudahan Awam daripada Ancaman Pengganas pada tahun 2020. Kerajaan turut melaksanakan Pelan Tindakan Kebangsaan bagi Mencegah dan Menangani Fahaman Pelampau Keganasan (NAPPCVE) sebagai usaha menyeluruh melibatkan pelbagai agensi kerajaan dan NGO dalam membendung pengaruh ideologi ekstremisme di negara ini.

Malaysia terus mencatat kemajuan dalam membanteras keganasan apabila kedudukannya dalam Indeks Keganasan Global meningkat dari tangga ke-68 (2021) kepada ke-81 (2024), menandakan penurunan ancaman keganasan. Dalam Indeks Keamanan Global 2024, Malaysia berada di tangga ke-10 negara paling aman di dunia. Selain itu, jumlah penahanan suspek pengganas juga menurun ketara, dengan hanya dua orang ditahan pada 2022 berbanding 126 orang pada 2016. Perkembangan ini mencerminkan keberkesanan pendekatan keselamatan negara yang proaktif dan bersepadu.

Malaysia secara umumnya kekal sebagai sebuah negara yang aman dan selamat walaupun beberapa insiden tembakan di KLIA dan Shah Alam berlaku sebagai kes jenayah terpencil dan bukan serangan pengganas. Pihak pengurusan premis awam disarankan meningkatkan keselamatan melalui pemasangan CCTV berteknologi tinggi dan pengambilan pengawal terlatih. Orang awam juga perlu sentiasa berwaspada dan melaporkan sebarang aktiviti mencurigakan kepada pihak berkuasa. Kerjasama semua pihak amat penting bagi memastikan keselamatan negara terus terpelihara.

Sumber Rujukan:

1. Berita Harian. (2023, Mei 11). Artikel berkaitan ancaman keselamatan dan keganasan di Malaysia. Berita Harian Online.
2. Astro Awani. (2023, Mei 11). Laporan keselamatan negara dan pengurusan krisis. Astro Awani Online.
3. Majlis Keselamatan Negara. (2023). Arahan MKN No. 18: Pengurusan dan Pengendalian Krisis Keganasan Tahun 2023. Jabatan Perdana Menteri, Malaysia.
4. Majlis Keselamatan Negara. (2020). Garis Panduan Bagi Meningkatkan Keselamatan Tempat dan Kemudahan Awam daripada Ancaman Pengganas. Jabatan Perdana Menteri, Malaysia.
5. BBC. (n.d.). Witness History: Sarin Gas Attack on the Tokyo Subway. BBC News. <https://www.bbc.com>
6. European External Action Service. (n.d.). Remembering Victims of Terrorism. EEAS. <https://www.eeas.europa.eu>
7. New Zealand Parliament. (n.d.). The Christchurch Mosque Attack: How Parliament Responded. <https://www.parliament.nz>
8. Majlis Keselamatan Negara. (2023, Mei 11). Kenyataan Media Mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Kawalan Keganasan Kebangsaan (HLC) Bil. 1/2023.
9. Malay Mail. (2016, July 4). IGP: PM concerned about IS-linked bombing at Movida. Malay Mail.



ENCIK MOHD TAUFIK BIN ABDULLAH

PENOLONG PEGAWAI
KESELAMATAN

BAHAGIAN KESELAMATAN
PERSONEL




ANCAMAN SERANGAN SIBER BERASASKAN KECERDASAN BUATAN (AI) DI MALAYSIA

Pada era digital yang serba maju ini, teknologi Kecerdasan Buatan atau Artificial Intelligence (AI) telah merentasi pelbagai aspek kehidupan manusia. AI bukan sahaja membantu memudahkan urusan harian, malah ia juga telah diterima pakai dalam sektor kerajaan dan swasta. Namun begitu, kemajuan teknologi ini turut mengundang cabaran baharu yang merisaukan, terutamanya apabila AI disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk tujuan jenayah siber. Serangan siber berasaskan AI dilihat semakin berleluasa dan boleh menjejaskan kestabilan negara jika tidak ditangani secara serius.

Antara bentuk ancaman yang semakin membimbangkan ialah penggunaan teknologi *deepfake*, iaitu kandungan video atau audio yang diubah menggunakan AI bagi meniru suara atau wajah individu sebenar. Teknologi ini telah dimanipulasi untuk menyebarkan maklumat palsu, menyamar sebagai pegawai kerajaan atau pemimpin negara, dan menipu mangsa demi keuntungan kewangan. Hal ini bukan sahaja merosakkan reputasi individu, malah boleh mencetuskan kekeliruan dan panik dalam kalangan masyarakat jika dibiarkan berterusan.



Selain itu, teknologi AI juga digunakan dalam serangan *ransomware* yang bertujuan mencuri dan mengunci data rahsia kerajaan atau organisasi sebelum pemiliknya diugut untuk membayar sejumlah wang. Penjenayah siber kini semakin canggih dalam menggunakan AI untuk menganalisis data, menyasarkan individu melalui media sosial, serta mencuri maklumat sulit.



Serangan berasaskan AI ini turut memberi cabaran besar kepada agensi penguat kuasa kerana bentuk jenayah yang berlaku sukar dikesan dan dibuktikan. Bukti jenayah kebiasaannya dalam bentuk digital dan memerlukan kepakaran tinggi dalam bidang forensik siber. Oleh itu, sudah tiba masanya pihak berkuasa dan kerajaan Malaysia mengambil pendekatan lebih menyeluruh bagi membanteras ancaman ini. Antaranya ialah dengan memperbanyakkan pakar dalam bidang keselamatan siber, melatih pegawai-pegawai di luar negara, serta memperkukuh kerjasama dengan agensi antarabangsa seperti INTERPOL.

Di samping itu, kerajaan juga perlu meminda dan menguatkuasakan undang-undang siber sedia ada agar lebih relevan dengan perkembangan teknologi semasa. Akta berkaitan jenayah siber perlu ditambah baik, terutama dari aspek perlindungan data peribadi dan penyalahgunaan teknologi AI. Kerjasama antara kerajaan dan industri teknologi juga penting bagi mencegah kebocoran maklumat serta melindungi pengguna daripada ancaman penipuan yang kian berleluasa.

Orang ramai pula disarankan agar lebih berwaspada dan berhati-hati dalam berkongsi maklumat peribadi di internet. Setiap panggilan atau mesej yang mencurigakan perlu disemak dengan teliti, dan individu perlu memastikan kesahihan pihak yang menghubungi sebelum mengambil sebarang tindakan. Penggunaan kata laluan yang sukar dijangka serta pengesahan dua faktor juga boleh membantu mengelakkan pencerobohan akaun digital.

Kesimpulannya, serangan siber berasaskan AI merupakan cabaran alaf baharu yang perlu ditangani dengan serius oleh semua pihak. Teknologi yang dicipta untuk memudahkan kehidupan tidak sepatutnya menjadi senjata untuk mengancam keselamatan dan kestabilan negara. Kerjasama antara agensi kerajaan, pakar industri dan masyarakat awam amat diperlukan bagi memastikan negara kita mampu membendung ancaman ini dengan berkesan. Dalam menghadapi dunia digital yang semakin kompleks, kesedaran dan kecekapan adalah kunci utama untuk memastikan keselamatan siber negara terus terpelihara.

Sumber Rujukan:

1. Majlis Keselamatan Negara (MKN)
2. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)
3. Akta Keselamatan Siber 2024
4. Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK)
5. Cyber Security Malaysia



ENCIK MOHD ZUBIR BIN ZAILANI

**PENOLONG PEGAWAI
KESELAMATAN**

**BAHAGIAN PENYELARASAN DAN
KORPORAT**



KEPENTINGAN MENJAGA IMEJ KORPORAT JABATAN

Imej korporat sesebuah jabatan kerajaan bukan sekadar merujuk kepada logo atau warna rasmi, tetapi merangkumi gambaran keseluruhan bagaimana jabatan tersebut dilihat oleh masyarakat, pelanggan, dan pihak berkepentingan. Pemeliharaan imej korporat adalah amat penting kerana ia mempengaruhi reputasi, kepercayaan, serta keberkesanan jabatan dalam melaksanakan tanggungjawab dan mencapai objektif yang ditetapkan.

Imej korporat yang baik mencerminkan nilai, budaya kerja, tahap profesionalisme, serta kualiti perkhidmatan yang ditawarkan. Persepsi positif daripada masyarakat akan meningkatkan keyakinan dan kepercayaan terhadap jabatan, seterusnya memudahkan jalinan kerjasama dan sokongan pelbagai pihak. Sebaliknya, imej yang tercalar boleh menjejaskan reputasi dan menimbulkan persepsi negatif yang sukar diperbaiki.

Tambahan pula, imej korporat yang kukuh menjadi simbol kebanggaan dan keunggulan sesebuah organisasi. Ia bukan sahaja meningkatkan motivasi dan semangat kerja warga jabatan, malah menyerlahkan imej jabatan sebagai sebuah entiti yang berdaya saing, profesional dan relevan dalam menghadapi cabaran semasa serta memenuhi aspirasi kerajaan. Kualiti perkhidmatan yang cemerlang turut memainkan peranan penting dalam memperkukuh imej korporat. Komunikasi yang berkesan, sikap mesra pelanggan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan akan menyumbang kepada pembentukan imej yang positif serta mewujudkan hubungan jangka panjang yang berteraskan kepercayaan dan kepuasan.





Dalam era yang penuh perubahan, imej korporat juga memainkan peranan penting dalam membantu jabatan menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi, sosial dan ekonomi. Jabatan yang menjaga imejnya akan lebih mudah menyesuaikan strategi, serta kekal kompetitif dan relevan dalam persekitaran yang dinamik.

Selain itu, imej korporat yang mantap juga mampu melahirkan barisan kepimpinan yang berwibawa dan berkarisma. Pemimpin yang menjunjung nilai integriti, profesionalisme dan komunikasi berhemah akan memperkukuh imej jabatan serta memacu organisasi ke arah kecemerlangan. Pembudayaan imej korporat secara konsisten akan menjadi asas kepada keharmonian dan keberkesanan organisasi.



Sehubungan dengan itu, pemeliharaan imej korporat merupakan aspek penting yang memberi kesan langsung terhadap kejayaan dan keberkesanan sesebuah jabatan. Imej yang positif bukan sahaja memperkukuh reputasi dan kepercayaan masyarakat, malah meningkatkan motivasi dalaman warga jabatan serta memudahkan sokongan pihak luar. Justeru, menjadi tanggungjawab setiap jabatan untuk komited membudayakan dan memelihara imej korporat secara berterusan demi mencapai kecemerlangan dan keunggulan dalam penyampaian perkhidmatan awam.

Sumber Rujukan:

1. Pejabat Hal Ehwal Pelajar. (2020, November 2). Memacu budaya imej korporat lambang pemimpin hebat.
2. Coggle. (n.d.). Imej dan identiti korporat.
3. Zulhamri, A. (2020, Jun 4). Hubungan antara imej korporat dan kepuasan pelajar:Kajian kes institusi kewangan. Jurnal Komunikasi.

KURSUS
BULAN APRIL, MEI DAN JUN 2025

BIL	AKTIVITI APRIL 2025	TARIKH	JUMLAH PESERTA
1.	KURSUS PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PPKJ) (ADSO 1002), SIRI 1/2025	08 - 10 APRIL 2025	63 ORANG
2.	KURSUS PENGAWALAN KESELAMATAN FIZIKAL (SGC 1013), SIRI 1/2025	08 - 10 APRIL 2025	14 ORANG
3.	KURSUS KAWALAN DOKUMEN RAHSIA RASMI (DCC 1008), SIRI 2/2025	15 - 16 APRIL 2025	23 ORANG
4.	KURSUS KESEDARAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN (AWP 1009), SIRI 2/2025	15 - 16 APRIL 2025	27 ORANG
5.	KURSUS PENGURUSAN KESELAMATAN SASARAN PENTING DAN KAWASAN LARANGAN TEMPAT LARANGAN BAGI PENGHUNI DAN PEMILIK (KPM 1010), SIRI 2/2025	22 - 24 APRIL 2025	33 ORANG
6.	KURSUS PROFESIONALISME PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PKJ) (DSO 1001), SIRI 2/2025	22 - 24 APRIL 2025	39 ORANG
7.	KURSUS PROTOKOL SIRI 1/2025	08 - 09 APRIL 2025	30 ORANG
8.	KURSUS LANJUTAN PENGENDALIAN T BATON SIRI 1/2025	08 - 10 APRIL 2025	4 ORANG
9.	KURSUS ASAS KOMUNIKASI BERKESAN (WALKIE TALKIE) SIRI 1/2025	15 - 16 APRIL 2025	35 ORANG
10.	BENGKEL <i>TRANING OF TRAINERS</i> PEMAHAMAN PENGURUSAN RAHSIA RASMI SIRI 1/2025	22 - 23 APRIL 2025	29 ORANG
11.	BENGKEL <i>TRANING OF TRAINERS</i> ICT RAHSIA RASMI SIRI 1/2025	24 APRIL 2025	18 ORANG

Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia	AKTIVITI	Mei 2025
--	----------	----------

KURSUS

BULAN APRIL, MEI DAN JUN 2025

BIL	AKTIVITI MEI 2025	TARIKH	JUMLAH PESERTA
1.	KURSUS PEGAWAI PENGELAS (COC 1003), SIRI 1/2025	06 – 07 MEI 2025	42 ORANG
2.	BENGKEL PENGENDALIAN BUKU DAFTAR SURATAN RAHSIA RASMI AM 492, AM 492A DAN AM 492B (SRC 1008), SIRI 1/2025	06 – 07 MEI 2025	39 ORANG
3.	KURSUS KAWALAN DOKUMEN RASMI DAN DOKUMEN RAHSIA BAGI PENDAFTAR RAHSIA, PEMBANTU KHAS DAN KESETIAUSAHAAN PEJABAT (SRC 1007), SIRI 2/2024	20 – 21 MEI 2025	73 ORANG
4.	KURSUS PENGENALAN PENGURUSAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN (BCM) (PKP 1005), SIRI 2/2024	20 – 21 MEI 2025	22 ORANG
5.	KURSUS PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PPKJ) (ADSO 1002), SIRI 3/2025	27 – 29 MEI 2025	108 ORANG
6.	KURSUS SENI MEMPERTAHANKAN DIRI (ASAS TANGKAPAN), SIRI 1/2025	05 – 09 MEI 2025	31 ORANG
7.	BENGKEL <i>TRAINING OF TRAINERS</i> PENGURUSAN SASARAN PENTING & KAWASAN LARANGAN TEMPAT LARANGAN SIRI 1/2025	06 – 07 MEI 2025	22 ORANG
8.	BENGKEL <i>TRAINING OF TRAINERS</i> KESELAMATAN FIZIKAL SIRI 2/2025	13 – 14 MEI 2025	27 ORANG
9.	KURSUS LANJUTAN KOMUNIKASI BERKESAN (<i>WALKIE TALKIE</i>) SIRI 1/2025	26 – 27 MEI 2025	24 ORANG
10.	KURSUS KESEDARAN AWAM (ASAS KAWALAN KEBAKARAN) SIRI 2/2025	27 – 29 MEI 2025	32 ORANG

KURSUS

BULAN APRIL, MEI DAN JUN 2025

BIL	AKTIVITI JUN 2025	TARIKH	JUMLAH PESERTA
1.	KURSUS KESEDARAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ICT) (ITS 1004), SIRI 2/2025	11 - 12 JUN 2025	22 ORANG
2.	KURSUS PENGURUSAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN (PSM 1006), SIRI 3/2025	11 - 12 JUN 2025	33 ORANG
3.	KURSUS PROFESIONALISME PEGAWAI KESELAMATAN JABATAN (PKJ) (DSO 1001), SIRI 3/2025	17-19 JUN 2025	49 ORANG
4.	KURSUS PENGURUSAN KESELAMATAN SASARAN PENTING DAN KAWASAN LARANGAN TEMPAT LARANGAN BAGI PENGHUNI DAN PEMILIK (KPM 1010), SIRI 3/2025	11 - 19 JUN 2025	50 ORANG
5.	KURSUS PENGURUSAN KESELAMATAN SASARAN PENTING DAN KAWASAN LARANGAN TEMPAT LARANGAN BAGI PENGHUNI DAN PEMILIK (KPM 1010), SIRI 3/2025	17-19 JUN 2025	22 ORANG
6.	KURSUS ASAS KESELAMATAN PERLINDUNGAN LANTIKAN BAHARU SKIM PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN KP5 DAN PEMBANTU KESELAMATAN KP1 SIRI 1/2025	16 JUN - 10 JULAI 2025	68 ORANG
7.	KURSUS INTEGRITI SIRI 1/2025	24 - 25 JUN 2025	32 ORANG

PEPERIKSAAN



PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PEMBANTU KESELAMATAN GRED KP1 JABATAN PERDANA MENTERI DAN PELBAGAI JABATAN

Pada 20 Mac 2025, telah berlangsung Peperiksaan Perkhidmatan bagi jawatan Pembantu Keselamatan Gred KP1 melibatkan pegawai dari Jabatan Perdana Menteri serta pelbagai jabatan lain. Peperiksaan ini diadakan dari jam 9.00 pagi hingga 11.45 pagi dan melibatkan seramai 46 orang calon.



Peperiksaan ini merupakan salah satu syarat utama untuk pengesahan dalam jawatan bagi skim KP, selain berfungsi sebagai kaedah mengukur tahap kompetensi dan potensi pegawai. Ia juga menilai pemahaman calon terhadap perundangan dan peraturan berkaitan bidang keselamatan seperti Arahan Keselamatan, Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88), Akta Kawasan Larangan dan Tempat Larangan 1959 (Akta 298), Kanun Keseksaan (Akta 574), Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593), Akta Keterangan 1950 (Akta 56), Akta Polis 1967 (Akta 344), Akta Pendaftaran Negara 1959, serta pekeliling dan garis panduan berkaitan keselamatan perlindungan.

Penganjuran peperiksaan ini diharapkan dapat memastikan para pegawai keselamatan kerajaan kekal berpengetahuan, berkemahiran serta mampu melaksanakan tugas dengan profesionalisme yang tinggi selaras dengan kehendak perkhidmatan awam.

Kursus Protokol

Pada 8 hingga 9 April 2025, Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) telah menganjurkan Kursus Protokol Siri 1/2025 selama dua hari yang melibatkan penyertaan semua warga Skim KP CGSO. Kursus ini dilaksanakan bagi memperkukuh kefahaman peserta terhadap kepentingan protokol dalam penganjuran majlis rasmi serta mempertingkatkan keyakinan dan kemahiran dalam mengelola acara berprofil tinggi.

Kursus ini memberi fokus kepada aspek pengurusan majlis rasmi, termasuk penyusunan aturcara, etiket protokol, layanan terhadap tetamu kenamaan serta penampilan profesional urus setia.



Pendekatan teori dan praktikal digunakan bagi memastikan peserta memahami secara menyeluruh tugas dan peranan mereka dalam sesuatu penganjuran.

Program ini telah menampilkan tiga orang penceramah yang berpengalaman luas dalam bidang protokol dan pengurusan majlis, iaitu Encik Muhammad Fauzi bin Abdullah dan Puan Juliana binti Ramli daripada Bahagian Istiadat dan Urusetia Persidangan Antarabangsa (BIUPA), Jabatan Perdana Menteri, serta Dr. Maznah binti Abdullah daripada Institut Aminuddin Baki (IAB).

Penganjuran Kursus Protokol Siri 1/2025 ini selaras dengan usaha ILKEM untuk melahirkan pegawai dan kakitangan yang berketerampilan tinggi serta memiliki daya kepimpinan dalam pengurusan majlis rasmi Kerajaan secara berhemah, teratur dan mengikut adat istiadat yang ditetapkan.



KURSUS KAWALAN DOKUMEN RAHSIA RASMI

Seramai 23 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai kementerian, jabatan dan agensi telah mengikuti kursus ini.

Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) telah menganjurkan Kursus Kawalan Dokumen Rahsia Rasmi Siri 2/2025 pada 15 hingga 16 April 2025. Kursus ini diadakan khusus untuk memberikan pendedahan kepada para peserta mengenai pengendalian dokumen rahsia rasmi di jabatan dan agensi masing-masing.



Lobi, Blok Akademi ILKEM

Seramai 23 orang peserta yang terdiri daripada pelbagai kementerian, jabatan dan agensi telah mengikuti kursus ini. Sepanjang dua hari penganjuran, peserta didedahkan dengan kefahaman mengenai prosedur pengurusan dokumen rahsia rasmi secara betul, tepat dan jelas mengikut garis panduan keselamatan yang ditetapkan.

Kursus ini telah menampilkan tiga orang penceramah berpengalaman, iaitu Encik Sulaiman bin Said daripada Arkib Negara Malaysia, Encik Hafizi bin Ibrahim dan Puan Noraminah binti Ismail daripada Bahagian Keselamatan ICT dan Rahsia Rasmi, Ibu Pejabat CGSO. Para penceramah telah berkongsi ilmu serta pengalaman berkaitan aspek pengurusan keselamatan dokumen rasmi, termasuk tatacara pengendalian, penyimpanan, pemindahan, dan pemusnahan dokumen rahsia.



Bengkel Pemahaman Pengurusan Rahsia Rasmi

Pada 22 hingga 23 April 2025, Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) telah menganjurkan Bengkel Pemahaman Pengurusan Rahsia Rasmi Siri 1/2025 yang berlangsung selama dua hari bermula 22 hingga 23 April 2025. Bengkel ini melibatkan penyertaan semua warga Skim KP CGSO dari pelbagai peringkat perkhidmatan.

Penganjuran bengkel ini bertujuan untuk memberikan pendedahan, latihan dan kefahaman mendalam kepada para peserta berkenaan pengurusan keselamatan dokumen dan maklumat rasmi serta rahsia rasmi, terutamanya dalam konteks penggunaan teknologi maklumat dan



komunikasi (ICT). Peserta turut didedahkan secara langsung kepada aspek pematuhan Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Arahan Keselamatan, termasuk pekeliling dan garis panduan yang berkaitan.

Bengkel ini menampilkan dua penceramah dari Ibu Pejabat CGSO, iaitu Encik Mohamad Esalan bin Mohamad Salleh dan Puan Noraminah binti Ismil dari Bahagian Keselamatan ICT dan Rahsia Rasmi. Kedua-dua penceramah berkongsi input dan pengetahuan kritikal berdasarkan pengalaman lapangan serta isu-isu semasa berkaitan pengurusan maklumat rasmi dalam sektor kerajaan.

Melalui penganjuran bengkel ini, ILKEM kekal komited dalam memperkukuh tadbir urus keselamatan perlindungan di kalangan warga CGSO, sekali gus menyokong matlamat kerajaan ke arah pentadbiran awam yang cekap, berintegriti dan berakauntabiliti tinggi.



KURSUS SENI MEMPERTAHANKAN DIRI (TEKNIK TANGKAPAN)

pendedahan teori dan latihan praktikal yang komprehensif mengenai teknik-teknik tangkapan yang betul dan selamat,

Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia (ILKEM) terus komited dalam memperkasakan ilmu dan kemahiran warga CGSO melalui pelaksanaan Kursus Seni Mempertahankan Diri (Teknik Tangkapan) Siri 1/2025 yang telah

berlangsung pada 5 hingga 9 Mei 2025. Kursus ini telah disertai seramai 31 orang peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan CGSO serta pegawai kader keselamatan daripada pelbagai kementerian dan agensi kerajaan.

Program lima hari ini telah dikendalikan oleh penceramah berpengalaman dari Polis Diraja Malaysia (PDRM), iaitu ASP Fazurah binti Mahzan, SM Mohd Shaiful Na'im bin Baharin dan SJN Hairul Nizam bin Mat Darus. Sepanjang kursus berlangsung, para peserta telah diberikan pendedahan teori dan latihan praktikal yang komprehensif mengenai teknik-teknik tangkapan yang betul dan selamat, selaras dengan prosedur operasi standard (SOP) dan garis panduan yang telah digariskan oleh pihak PDRM.

Objektif utama kursus ini adalah untuk meningkatkan tahap kemahiran peserta dalam aspek kawalan dan pengendalian individu semasa insiden keselamatan. Selain itu, ia turut menjadi platform untuk mewujudkan jalinan kerjasama strategik antara pegawai dan kakitangan CGSO serta pegawai kader keselamatan, khususnya dalam usaha berkongsi maklumat dan pengalaman berkaitan pengurusan keselamatan di kementerian dan agensi masing-masing.



AKTIVITI

*Selasa,
15 April 2025*



Kursus ini juga menekankan keperluan untuk mempelbagaikan kemahiran dan meningkatkan kecekapan warga CGSO sebagai langkah persediaan dalam menghadapi sebarang bentuk kecemasan. Para peserta bukan sahaja diuji dari segi fizikal dan mental, malah turut diberi pendedahan kepada situasi simulasi yang memerlukan tindakan pantas, tepat dan berkesan.



Penganjuran kursus ini turut mencerminkan aspirasi ILKEM dalam membina jenama dan imej institusi sebagai pusat latihan keselamatan perlindungan yang unggul, setanding dengan institusi latihan awam lain di peringkat nasional mahupun antarabangsa. Diharapkan usaha sebegini akan terus memperkukuh profesionalisme warga CGSO dan memberi nilai tambah dalam pelaksanaan tugas seharian mereka sebagai barisan hadapan keselamatan kerajaan.

KURSUS PEGAWAI PENGELAS



Kursus Pegawai Pengelas Siri 1/2025 telah diadakan pada 6 hingga 7 Mei 2025 dan melibatkan penyertaan seramai 30 orang peserta daripada pelbagai kementerian, jabatan dan agensi. Kursus ini merupakan salah satu inisiatif ke arah memperkukuh kefahaman serta meningkatkan kompetensi pegawai yang diberi tanggungjawab sebagai pegawai pengelas di kementerian atau agensi masing-masing.



Sepanjang dua hari kursus berlangsung, peserta telah diberikan pendedahan yang komprehensif mengenai peranan dan tanggungjawab pegawai pengelas selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 2B, Akta Rahsia Rasmi 1972 serta berdasarkan surat arahan dan pekeliling berkaitan yang sedang berkuat kuasa. Fokus utama kursus ini adalah untuk memastikan semua pegawai memahami prosedur yang tepat dan jelas dalam pengurusan dokumen rahsia rasmi agar segala tindakan adalah selari dengan peruntukan undang-undang dan dasar keselamatan kerajaan.

Antara penceramah yang dijemput bagi menjayakan kursus ini ialah Puan Azreena binti Mohd Norawi dan Encik Adzrol Hisham bin Mohamad daripada Bahagian Keselamatan ICT dan Rahsia Rasmi, serta Puan Nur Rohaizah binti Norizan daripada Arkib Negara Malaysia. Kehadiran para penceramah yang berpengalaman dalam bidang keselamatan dokumen dan pengurusan maklumat telah memberikan nilai tambah yang besar kepada para peserta dari segi pemahaman teori dan praktikal.

Secara keseluruhannya, kursus ini telah mencapai objektifnya dalam memberikan pengetahuan yang mendalam serta memperkukuh tanggungjawab para pegawai pengelas dalam menjaga keselamatan dan integriti dokumen rasmi kerajaan.

PEGAWAI BAHARU

ENCIK MUHAMMAD RIDHWAN
SHAH BIN MOHD RUZAINI

PEGAWAI TADBIR DAN
DIPLOMATIK M9

BERTUGAS :

- * 04 JUN 2025
PEJABAT PENDAFTAR

INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN
PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)
- * 2023-2024
PEMBANTU SETIAUSAHA SYARIKAT
(PROTEGE)

GROUP SECRETARIAL AND BOARD
GOVERNANCE PETRONAS



ENCIK MUHAMMAD SHARALI
NURUL EZAM BIN RAMLI

PENOLONG PEGAWAI
KESELAMATAN KP5

BERTUGAS :

- * 14 APRIL 2025
PROGRAM AKADEMIK DAN KOMPETENSI

INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN
PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)
- * 2021-2025
PENOLONG PEGAWAI KESELAMATAN KP5

PUSAT PEMULIHAN PENAGIHAN NARKOTIK
(PUSPEN) MUAR
AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN (AADK)



Dalam Kenangan



JABATAN PERDANA MENTERI
PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA

إِنَّا لِلّٰهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

ALLAHYARHAM ENCIK RUSZANI BIN ABD KARIM

Pengarah

Bahagian Inspektorat, Pematuhan dan Pengiktirafan
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri

26 Mei 1965 – 16 Mei 2025

Semoga Rohnya dicucuri rahmat dan ditempatkan di kalangan para solihin. **AL FATIHAH**

Salam Takziah Daripada

YBhg. Datuk Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan,
Pengurusan Tertinggi dan Seluruh Warga CGSO.



Pada tanggal 16 Mei 2025, warga Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) dikejutkan

dengan berita pemergian Allahyarham Encik Ruszani bin Abd Karim, Pengarah Bahagian Inspektorat, Pematuhan dan Pengiktirafan, CGSO. Allahyarham menghembuskan nafas terakhirnya hanya beberapa hari sebelum ulang tahun kelahirannya yang ke-60, iaitu pada 26 Mei.

Allahyarham merupakan seorang tokoh yang amat dihormati dan disegani dalam kalangan warga kerja CGSO. Beliau dikenali sebagai seorang pemimpin yang berwibawa, tegas dalam prinsip, namun tetap berhemah tinggi dalam melaksanakan amanah. Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau, Allahyarham banyak menyumbang kepada pembangunan dan pelaksanaan dasar-dasar keselamatan perlindungan, khususnya dalam aspek pematuhan dan pengiktirafan keselamatan di agensi-agensi kerajaan.

Ketokohan dan pengalaman luas Allahyarham dalam bidang keselamatan telah membantu memperkukuh sistem pengurusan keselamatan kerajaan, khususnya dalam memastikan prosedur dan garis panduan dipatuhi secara menyeluruh oleh semua pihak yang berkaitan. Beliau juga aktif dalam menilai dan menambah baik standard keselamatan nasional melalui pelaksanaan audit, latihan serta bimbingan secara langsung terhadap warga jabatan dan agensi yang terlibat.

Pemergian Allahyarham merupakan satu kehilangan besar bukan sahaja kepada CGSO, tetapi juga kepada seluruh penjawat awam yang pernah mendapat tunjuk ajar dan bimbingan beliau. Ketenangan wajahnya, keilmuan yang mendalam serta pendekatan kepimpinan yang bijaksana akan sentiasa menjadi kenangan yang abadi buat semua yang mengenali beliau.

Seluruh warga CGSO menzahirkan rasa dukacita atas kehilangan ini dan merakamkan ucapan takziah kepada ahli keluarga Allahyarham. Semoga roh beliau dicucuri rahmat dan ditempatkan dalam kalangan para solihin. Al-Fatihah.

Institut Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia	NUKILAN	Jun 2025
--	---------	----------

GENGGAMAN PERPADUAN

“KIBARKAN PANJI PENYATUAN”

“suara lantang menggegarkan
kezaliman
hadir dalam ikatan utuh”

Biar aku gilap memori lampau
Saat kita lembutkan ego hati
mengenggam tangan sesama
kita
meruntuh tembok penindasan
seiring membina benteng kebal
walau warna kita tidak sekata.

—•—•—•—

Mari aku seru semangat
dabulu
suara lantang menggegarkan
kezaliman
hadir dalam ikatan utuh
tidak mundur walau digoyang
membentuk laungan semangat
zaman
walau kasta kita tidak sekufu.

—•—•—•—

PUAN DAYANGKU NURASIAH
BINTI PG. MOHAMED ALI



PENOLONG PEGAWAI TADBIR (MYSTEP)
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

“bersatu membentuk
ukhuwah”

Ayuh aku bawa senyuman
silam
merubah suram menjadi
harapan
menyemai erti cinta bersaudara
tersimpul erat walau dunia
berubah
bersatu membentuk ukhuwah
walau derita kita tidak setara.

—•—•—•—

Kibarkan panji penyatuan
agar terlibat sekeliling alam
wasiat pejuang masih
dijunjung
amanah bangsa masih dijunjung
kekal membalut anak watan
dalam ikrar mengekal
perpaduan.

—•—•—•—

“Manusia yang lemah sekalipun, Jika bersatu padu akan dapat
menggoncang dunia. Demikianlah kesannya perpaduan”
~ Tun Mahathir Mohamad ~



BULETIN ILKEM

Edisi 2/2025

INSTITUT LATIHAN KESELAMATAN PERLINDUNGAN MALAYSIA (ILKEM)
JABATAN PERDANA MENTERI
PERSIARAN TIMUR 3, BANDAR BARU ENSTEK,
71760 BANDAR BARU ENSTEK,
NEGERI SEMBILAN

 www.cgso.gov.my

 [cgso](#)

 [cgso_news](#)

